

# Tanah Air Kita

## Meninjau Pelajaran Agama Islam di Semenanjung

Setelah sekolah-sekolah Melayu hanya menjadi sekolah-sekolah untuk membuktikan pelajaran pada nama sahaja, yang membuat hasil cuma mengurangkan bilangan anak-anak Melayu dari menjadi buta huruf sahaja, dan setelah tidak adanya kemampuan, atau adanya pertentangan faham antara ibu bapa orang-orang Melayu untuk memasukkan anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Inggeris, maka dengan itulah lahirnya penuntut-penuntut yang biasa disebut “penuntut-penuntut sekolah agama” sebagai suatu golongan penuntut-penuntut dari anak-anak negeri bangsa kita yang tidak kecil bilangan mereka di tanah air kita ini.

(oleh: Muhammad Ikhwan)

Penuntut-penuntut agama adalah hasil dari pergelutan jiwa pelajaran bangsa kita sejak dari masa yang sudah-sudah. Tidak sanggupnya sekolah-sekolah Melayu memberikan jaminan hidup untuk zaman hadapan anak-anak mereka, malah menghabiskan tahun-tahun pelajaran dengan kekosongan nilai-nilai yang tertentu, dan ketiadaan persesuaian dengan pendidikan yang dialirkan dari Barat, adalah menimbulkan kemahuan supaya mencari akhirat dan mencari persiapan untuk menghadapi mati!

Keadaan ini tidak boleh disangkal, bila tinjauan ke atas sekolah-sekolah ini kita lakukan.

Sekolah-sekolah ini \_ yang juga disebut madrasah atau pondok, adalah bertugas memberikan pelajaran dan pendidikan yang berputar-putar di sekitar agama dan Bahasa Arab, selain daripada itu hanya sebilangan yang kecil sangat memberikan pelajaran-pelajaran pengetahuan umum, umpamanya geografi, hisab, dan lain-lain.

Usaha-usaha seumpama ini berlanjuttah membuat sejarahnya. Dengan mendapat hasil-hasil melahirkan anggota-anggota guru-guru agama, pak-pak imam, pak-pak lebai, pak-pak kiyai, dan sedikit-sedikit diangkat menjadi hakim di dalam mahkamah shariah, kadi-kadi dan mufti-mufti. Tugasnya cuma melahirkan anggota-anggota yang bertali-tali dengan urusan agama sahaja.

Tempat-tempat pendidikan ini makin sehari makin melebar dan bertambah-tambah pula diusahakan orang hingga bertebaran sekolah-sekolah ini di persada tanah air kita dengan bilangan yang banyak juga.

Setelah biasa menerima penghinaan hidup dari beberapa kalangan, demi hari ke hari sekolah-sekolah ini diakui pula sebagai sekolah-sekolah rakyat yang keadaan coraknya telah bertukar perlahan-lahan dari memberikan pelajaran agama semata-mata kepada memberikan pengajaran kebangsaan yang tulen dan bersemangat.

Akan segala-segala ini terbukti setelah keadaan siasah

mengambil peranan penting di tanah air, dan keadaan ini mesti diakui oleh mana-mana kalangan pun.

Perkembangan fikiran dan keagungan teori hidup pelajar-pelajar tadi meresap-resap pula kalau kecerdasan-kecerdasan asing, (selain daripada pelajaran agama) dapat diterima oleh mereka. Akhirnya mereka akan berdiri tegak sebagai pejuang-pejuang yang kebanyakannya berkurangan tenaga.

Tawarikh pelajaran dan pendidikan agama Islam di Malaya tidaklah diketahui bila mulanya diadakan. Tetapi bolehlah dikatakan, pendidikan ini sudah mula diajar kira-kira 600 tahun yang lampau sejak mula Islam sampai ke negeri ini.

Hidupnya sekolah-sekolah ini ialah dari rasa kasih dan cintanya orang-orang kita kepada agamanya semata-mata. Tentulah tidak melebihi kalau dikatakan: bahawa tegaknya tidaklah seperti sekolah Melayu \_ sebagai sekolah bumiputra, dan sekolah Inggeris \_ sebagai sekolah penjajahan. Malahan itulah yang sebenarnya!

Cita-cita mahu memperbaiki keadaan pelajaran dan pendidikan agama Islam di Malaya, sudah lama dicita-citakan. Terutama bagi orang yang sudah menyedari akan hakikat ketiadaan hasil sekolah-sekolah agama tadi. Menyatukan dan menyamakan pada suatu sistem pelajaran, memberikan bantuan-bantuan kewangan, mengadakan guru-guru yang berkelayakan, adalah asas-asas utama yang harus diusahakansekarang dengan tidak menanti besok atau lusa.

Keperluan mempunyai warga negara yang bersopan dan mendidik pemuda-pemuda supaya berkehidupan secara Islam, tidaklah menjadi suatu amalan yang beruntung, kalau cara-cara hidup itu tidak sanggup memimpin

ke arah kemampuan berekonomi dan seluruh keperluannya.

Oleh itu pendidikan yang didasarkan kepada pelajaran-pelajaran masyarakat, akhlak dan Islam, haruslah menjadi dasar-dasar besar di dalam sekolah-sekolah gama itu, supaya betul-betul ianya menjadi tegas dan progresif.


Usaha Kerajaan Perikatan membentuk suatu jawatankuasa penyiasat sekolah-sekolah agama itu, ialah suatu usaha yang janganlah diperkatakan lagi oleh kejujuran dan mahukan kemajuan dari sekolah-sekolah itu lebih cepat lagi tetapi sangatlah dikesalkan sekali kerana di dalam senarai nama-nama ahli penyiasat itu tidak ada seorang pun yang bersesuaian dengan tujuan sekolah-sekolah yang disiasat itu.

Ini tentu terang bukan? Kerana bukanlah sekolah-sekolah Melayu, kebun-kebun sayur, mengira-ngira wang di pejabat atau memberi fatwa, yang akan disiasat oleh jawatankuasa ini. Tetapi ialah menyiasat sekolah-sekolah agama sejak dari *alif* hingga *nyanya*. Mati hidupnya, lemah dan kuatnya, buku-buku pelajaran dan dolarnya dan begitulah seterusnya.

Memberikan bantuan-bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah agama Islam itu, memanglah suatu usaha yang sangat diharapkan kerana umumnya sekolah-sekolah agama itu adalah sekolah-sekolah yang lemah sekali keadaan kewangannya \_ yang dengan kelemahan ini pula, menyebabkan ketenatan cara-cara pendidikan dan pelajarannya.

Di dalam perkara ini mari kita lihat ke Indonesia, sebagai contoh di dalam memajukan sekolah-sekolah agama itu mereka memutuskan semua bantuan-bantuan sekolah agama itu kepada Jabatan Kementerian Agama \_ tidak di Jabatan Kementerian

– sambungan pada muka 31



*Ahli-ahli UMNO Singapura, cawangan Kampung Melayu, bergambar ramai dalam suatu perjumpaan baharu-baharu ini.*

(sambungan dari muka 20)

pelajaran. Inilah dia suatu dari kerja-kerja Jabatan Kementerian Agama kalau Malaya merdeka mengingini akan terbentuknya kementerian ini.

Menyatukan di dalam suatu susunan pelajaran, juga menjadi suatu usaha yang terwajib didalam membentuk pendidikan dan pelajaran yang dicita-citakan kerana ketiadaan peraturan-peraturan itu menyebabkan sekolah-sekolah itu seperti yang ada sekarang pelajaran-pelajarannya bersimpang preng.

Usaha kerajaan hendak mengadakan sebuah kolej bagi melatih guru-guru agama, adalah membesarkan hati

kita. Tetapi sebagai suatu fikiran ingin saya mengemukakan iaitu bagaimana pendapat kerajaan kalau Kolej Islam Malaya dijadikan tempat yang tersebut?

Menjadikan Kolej Islam Malaya sebagai pusat perkembangan kebudayaan Islam di Malaya adalah bersesuaian dengan tujuan Kolej Islam senjak didirikan pada 8 April 1955 yang lalu itu.

Terlaksananya cita-cita ini ialah dengan kekuatan usaha yang berdasarkan kepada kejujuran mahu menghidupkan pendidikan dan pelajaran agama Islam di Malaya. Tetapi kalau cita-cita itu hanya sebagai topeng, maka akan sia-sialah kelak dia.